

Aktiviti 2

(a) Baca, kenal pasti dan tulis kandungan teks.

Usahawan Gigih


“Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih, kata-kata itulah yang menjadi pegangan saya. Berkat usaha gigih, akhirnya saya berjaya menjadi usahawan produk makanan,” kata Puan Hayati kepada Iskandar.

“Bolehkah puan menceritakan sejarah kejayaan puan?” tanya Iskandar.

“Boleh, Iskandar. Kesempitan hidup pada masa lalu membuat saya tekad untuk mengubah nasib. Saya memulakan perniagaan dengan menjaja kismis yang diperoleh daripada pembekal. Saya menjualnya dari rumah ke rumah. Berkat kerajinan dan berjimat cermat, akhirnya saya berjaya memiliki sebuah kedai.

Lima tahun kemudian, saya memberanikan diri mengeluarkan produk keluaran sendiri, iaitu Kismis Jauhari. Kismis ini telah mendapat tempat di hati pelanggan tempatan. Saya juga telah membuka beberapa cawangan kedai di seluruh negara,” cerita Puan Hayati.

“Wah, menarik juga kisah kejayaan puan ini! Kisah ini boleh dijadikan semangat untuk orang lain berjaya,” kata Iskandar.



rajin dan berjimat cermat

memiliki kedai sendiri

berjaya membuka beberapa
cawangan kedai

mengeluarkan produk
sendiri



Bijak Mengurus Kewangan

Aktiviti 1

(a) Lengkapkan dialog dan simulasikan.

Bijak Berbelanja



Mengapakah kamu datang ke pesta buku ini, Kiran?

Saya pula membeli dua naskhah majalah *Dewan Pelajar*.

Harga dua naskhah majalah *Dewan Pelajar* ialah RM _____

Saya dapat menjimatkan
RM _____.

Semua buku mendapat potongan harga sebanyak 50 peratus. Saya membeli kamus. Harga asalnya RM20.00. Saya hanya membayar RM10.00.

Berapakah harga dua naskhah majalah *Dewan Pelajar* itu?

Berapakah jumlah wang yang telah kamu jimatkan selepas membeli dua naskhah majalah itu?



Berapakah potongan harga yang diberikan untuk buku?

Saya datang ke pesta buku untuk membeli buku pada harga yang lebih murah.